

14 OCT 1996

Chee Khooon-takziah

PM DAN PARA MENTERI KABINET ZIARAH MENDIANG DR TAN CHEE KHOON

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa orang menteri Kabinet adalah diantara mereka yang memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Tan Sri Dr Tan Chee Khoon yang meninggal dunia di kediamannya semalam setelah sakit beberapa lama.

Dr Tan, 77, yang dikenali sebagai "Mr Opposition" Malaysia pernah menjadi anggota Parlimen selama hampir dua dekad. Beliau meninggalkan seorang isteri, Puan Sri Liew Foong Ying, 74, tiga anak lelaki dan tiga perempuan.

Pengkebumian beliau akan diadakan di Tanah Perkuburan Kristian Jalan Kuari pada pukul 11.30 pagi Rabu ini sementara upacara sembahyang akan diadakan di Gereja Methodist Wesley, Jalan Hang Jebat satu jam sebelumnya.

Dr Mahathir tiba di kediaman mendiang Dr Tan di Persiaran Madge, Jalan U-Thant di sini kira-kira pukul 11.15 pagi dan menemui keluarga mendiang untuk mengucapkan takziah selama 10 minit.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menteri Kabinet yang pertama tiba berkata kematian Dr Tan menyebabkan negara kehilangan seorang pemimpin yang berhati mulia dan berjasa.

"Tan Sri (Dr Tan Chee Khoon) merupakan contoh kepada kejujuran dan keberanian, walaupun pun beliau di pihak pembangkang beliau dihormati oleh semua termasuk di pihak kerajaan," kata Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan.

Beliau percaya Dr Tan, yang telah membuat banyak perubahan semasa berkhidmat sebagai wakil rakyat akan sentiasa diingati semua rakyat.

Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee berkata Dr Tan telah mengadakan contoh kepada pihak pembangkang mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dibuat oleh mereka.

Beliau mensifatkan Dr Tan sebagai seorang pemimpin unggul di Malaysia kerana walaupun beliau berada di pihak pembangkang beliau telah berjaya mencorak cara berpolitik di Malaysia.

Yong berkata beliau telah mengikuti tulisan Dr Tan sama ada dari surat khabar atau bukunya dan kali terakhir beliau bertemu dengan mendiang ialah 10 tahun lepas apabila beliau menjemput Dr Tan memberi ceramah di Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting pula menyifatkan Dr Tan sebagai seorang yang berpendirian teguh serta percaya dengan apa yang diperjuangkannya terutama untuk orang yang kurang bernasib baik dan memerlukan pertolongan.

"Selain menghargainya saya juga amat memandangi tinggi tokoh politik sebegini dan berharap semangat perjuangan dan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada Tan Sri akan menjadi contoh kepada generasi muda" katanya.

Ong berkata, Dr Tan sentiasa memberikan kritikan dan cadangan yang membina walaupun beliau seorang pembangkang.

Katanya, beliau juga sering mengingatkan wakil pembangkang di Parlimen agar menjadikan Dr Tan sebagai contoh seorang tokoh yang sentiasa memberikan kritikan yang tegas tetapi berasas.

Anggota kabinet lain yang turut menziarahi Dr Tan hari ini ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ting Chew Peh, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Teng Gaik Kwan dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Chai Ho.

Sementara itu bekas presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) S.I Rajah dalam satu kenyataan berkata kematian Dr Tan menyebabkan parti itu kehilangan seorang pemimpin dan sahabat yang baik.

Katanya Dr Tan sentiasa membangkitkan masalah rakyat miskin dalam Parlimen kerana beliau sentiasa prihatin dengan penderitaan mereka.

Dr Tan telah meninggalkan satu contoh yang baik dalam Parlimen negara ini yang akan dapat membantu jenerasi akan datang, katanya.

-- BERNAMA

ERE JON RHM WAT